



Majlis Perpisahan
DATUK BANDAR > m/s 12

**MIP PLANNING
EXCELLENCE
AWARDS-(MIPPEA)
2022**

> m/s 10



APC 2022 > m/s 18

ISI KANDUNGAN

DATUK BANDAR SANTUNI KDEBWM DAN SUB KONTRAKTOR	3	MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA MBSJ 2023 MERIAH	16	FORUM PENGUATKUASAAN ANTI RASUAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN	31
24 ORANG AHLI MAJLIS TELAH DILANTIK BAGI PENGGAL 2023	4	MBSJ TERIMA PENGIKTIRAFAN DIAMOND DALAM <i>LOW CARBON CITY CHALLENGE</i> [LCC2030]	17	LAWATAN PANEL PENILAI AUDIT PENGAWASAN SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU [SPB] TAHUN 2023	32
RETREAT AHLI MAJLIS BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI MBSJ GEMILANG 2023	5	MBSJ PERKASA USAHA PENGHIJAUAN BUMI	17	PROGRAM RAMADAN YANG DIRINDUI SEMARAK SAMBUTAN BULAN RAMADAN	33
MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2023 OLEH YB TUAN NGA KOR MING, MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN	6	MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MBSJ 2022 IKTIRAF JASA WARGA MBSJ	18	KONVENSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2023	34
SESI <i>ENTRANCE CONFERENCE</i> OLEH JABATAN AUDIT NEGARA	6	ERAT HUBUNGAN MELALUI KEJOHANAN WOODBALL ANTARA JABATAN MBSJ 2023	20	TAKLIMAT PEMINDAHAN PENIAGA PASAR AWAM DAN PASAR PAGI SK 10 KE PASAR SEMENTARA SK 6/1 DAN SESI PENETAPAN PETAK NIAGA	34
MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2023 BERSAMA YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR	7	MBSJ LANCAR GARIS PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN & MANUAL PROSEDUR PENGUATKUASAAN KACAUGANGGU	21	OPERASI BERSEPADU KAWASAN KOMERSIAL PUNCAK JALIL 3	35
MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PEMBINAAN MEDAN SELERA MBSJ SS19 SUBANG JAYA	7	WARNA-WARNI KOMUNITI	22	MAJLIS PENGENALAN RAKAN STRATEGIK SELANGOR FC BAGI MUSIM 2023 DAN SESI RIADAH BOLA SEPAK BERSAMA DYTJ RAJA MUDA SELANGOR	36
MBSJ TERIMA LAWATAN PENANDAARASAN ANTARABANGSA BANDAR RAYA YONGIN, KOREA	8	BAZAR RAMADAN MBSJ 2023	24	MBSJ SERBU PUSAT HIBURAN DI BANDAR PUTERI	36
MBSJ HARGAI JASA 24 MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK	9	PERDANA MENTERI MALAYSIA LUANG MASA SANTUNI KOMUNITI SERI SERDANG	26	MAJLIS ANUGERAH KOMUNITI STRATA [AKSARA] MBSJ 2022	37
PERHIMPUNAN BULANAN BULAN JANUARI 2023	10	MBSJ PERKENAL TEMA TAMAN 'MOMEN UNTUK BIBLIO' UNTUK PENGUNJUNG KUALA LUMPUR PARK FESTIVAL	27	MBSJ FC JULANG PIALA LIGA WANITA	38
MBSJ TERIMA ANUGERAH DI MAJLIS MAKAN MALAM ANUGERAH KECEMERLANGAN PERANCANGAN <i>MIP PLANNING EXCELLENCE AWARDS</i> [MIPPEA] 2022	10	PROGRAM SAMBUTAN INTERNATIONAL WOMEN'S DAY 2023 EMBRACE EQUITY PERKASA PERANAN WANITA	28		
PENGIKTIRAFAN BUAT MBSJ DARI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA	11	MBSJ TERIMA PENGIKTIRAFAN JOHAN PROGRAM PENGUMPULAN MINYAK MASAK TERPAKAI TAHUN 2022	29		
MAJLIS PERPISAHAN DATUK BANDAR	12	PERSIDANGAN REKABENTUK SEJAGAT KE ARAH NEGERI INKLUSIF	30		
MAJLIS MAKAN MALAM SANJUNGAN BUDI LAMBAIAN KASIH SEMPENA PERPISAHAN YBHG DATO' JOHARY BIN ANUAR, MANTAN DATUK BANDAR MBSJ	13				
SESI PENILAIAN ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG [APPC] NEGERI SELANGOR 2023	14				
PERSIDANGAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN BANDAR RAYA ASEAN <i>EDUCATION CITIES CONFERENCE</i>	15				

SIDANG REDAKSI

PENAUANG:

Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N, A.M.S
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Puan Noor Sabrina binti Samsudin

PEREKA GRAFIK:

Muhammad Shahrin Hanief bin Shaharolzaman
Siti Marlina binti Chek Long
Khairul bin Rosli

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Farah Izwani binti Ahmad
Encik Fazli bin Naiman



DATUK BANDAR SANTUNI KDEBWM DAN SUB KONTRAKTOR



Isu pengurusan sampah serta pelaksanaan kerja-kerja pembersihan merupakan komponen penting di dalam pengurusan sesebuah bandar raya. Menyedari kepentingan perkara tersebut, MBSJ telah menganjurkan Majlis Ramah Mesra KDEBWM dan Sub Kontraktor bersama Datuk Bandar MBSJ pada 4 Januari 2023 yang lalu bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Dalam majlis tersebut, YBhg. Dato Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ bersama-sama YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya bersama YBhg. Dato' Haji Ramli bin Mohd Tahir, Pengarah Urusan Kumpulan Darul Ehsan Waste Management (KDEBWM) telah mendengar pelbagai isu yang dibangkitkan oleh para kontraktor.

Di antara perkara yang dibangkitkan oleh para kontraktor adalah seperti kekerapan bilangan kutipan sampah, permohonan meningkatkan kadar bayaran kutipan, isu kompaun yang dikenakan akibat ketidakpatuhan arahan serta pelbagai lagi isu mengenai pengurusan sampah serta kebersihan.

Di majlis yang sama juga, Datuk Bandar MBSJ juga sempat menitipkan amanat kepada syarikat yang telah dilantik untuk memastikan perkhidmatan diberikan dengan sebaiknya serta mencapai skop yang ditetapkan.



24 ORANG AHLI MAJLIS

TELAH DILANTIK BAGI PENGGAL 2023



Seramai 23 orang Ahli Majlis telah melafazkan ikrar pengakuan penerimaan jawatan sebagai Ahli Majlis bagi sesi 2023 diikuti dengan menandatangani Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Ikrar Akujanji di hadapan YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar

MBSJ dalam Majlis Mengangkat Sumpah dan Menandatangani Watikah Pelantikan Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi Sesi 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ pada 5 Januari 2023 yang lalu.

Dalam sesi lantikan tahun 2023 kali ini, sebanyak 8 orang Ahli Majlis merupakan Ahli Majlis baru, manakala 15 orang Ahli Majlis merupakan lantikan semula. 19 orang Ahli Majlis merupakan lelaki manakala hanya 4 orang Ahli Majlis adalah wanita. Manakala pada



15 Februari 2023 pula seorang lagi Ahli Majlis telah dilantik dan menjadikan jumlah lengkap Ahli Majlis 24 orang.



Ahli Majlis terakhir dilantik
 En. Parithi Vaanan mewakili MPP Zon 17

Pihak MBSJ mengharapkan dengan pelantikan ini, Ahli Majlis yang dilantik akan dapat menjalankan tanggungjawab dan amanah dengan baik serta dapat membantu MBSJ di dalam penggubalan dasar serta menyumbang idea dan berganding bahu di dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.



AHLI MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA 2023

Barisan Hadapan Duduk Dari Kiri: Chia Yiew Ken, Az. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim, Yap Kok Weng, Tn. Hj. Mohd Zukumain bin Che Ali AMN, AMS Timb. Datuk Bandar, YBhg. Dato' Johary bin Anuar DPMs Datuk Bandar, Ir. Hj. Rosli bin Mohammad Yunus KUM, PJK Timb. Setausaha, M. Anbarasan al Murugesu, Mohan Singh al Surtar Singh, Mehanatan al Embamurthi, Barisan Tengah Berdiri Dari Kiri: Wong Yi Seang, Muhammad Fauzan bin Rosli, Sarawati binti Mukhtar, Ng Seow Chen, Lee Jen Uyi, Tanujah alp Debusingh, Low Yew Sin, Mohd Tarmizi bin Lazim. Barisan Belakang Berdiri Dari Kiri: Khairul Basri bin M. Anif, Ahmad Danish bin Hairudin, Kamarul Hafiz bin Kamarudin, Teh Eng Teck, Thong Kim Fatt, Thamilarasu al Sandayan, Taih Yap Keong, Pravin al Murai, Wan Shukri bin Wan Mustapha.





RETREAT AHLI MAJLIS BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI

MBSJ GEMILANG 2023



Lanjutan daripada pelantikan Ahli Majlis Sesi 2023 pada 5 Januari 2023 yang lalu, MBSJ telah melaksanakan program *Retreat* Ahli Majlis Bersama Pengurusan Tertinggi MBSJ Gemilang 2023 selama 3 hari bermula 6-8 Januari 2023 bertempat di Grand ION Delemen, Genting Highland.

Pelaksanaan program ini diadakan bertujuan untuk membina kerjasama di samping mengeratkan hubungan di antara Ahli Majlis bersama Pengurusan Tertinggi sebagai satu pasukan.

Ahli Majlis juga turut diberi penerangan mengenai fungsi dan peranan Ahli Majlis serta mereka juga turut diberi penerangan oleh setiap Ketua Jabatan MBSJ berkaitan fungsi, dasar serta status kewangan semasa MBSJ sebagai Pihak Berkuasa Tempatan.

Adalah diharapkan, melalui program ini, ianya sedikit sebanyak telah membantu Ahli Majlis terutamanya lantikan baru dalam melaksanakan tugas mereka dengan sebaiknya.





MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2023 OLEH YB TUAN NGA KOR MING, MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN



Tepat jam 9.30 pagi, YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ bersama-sama 21 orang Ketua Jabatan di MBSJ telah berkumpul di Learning Centre, Ibu Pejabat MBSJ pada 9 Januari 2023 bagi mengikuti siaran secara langsung menerusi dalam talian Majlis Amanat Tahun Baru 2023 yang telah disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan.

Majlis Amanat Tahun Baru 2023 Bersama YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah berlangsung di Dewan Kristal, Aras B1, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dalam amanatnya, beliau telah menyampaikan misi utama KPKT iaitu penekanan terhadap perkhidmatan asas PBT seperti jalan raya rata, kebersihan tandas awam, lampu terang serta longkang yang bersih untuk kesejahteraan semua rakyat Malaysia.

Beliau juga memaklumkan PBT perlu memberi perhatian mengenai isu orang awam seperti masalah jalan raya berlubang, lampu jalan yang malap atau tidak menyala, longkang tersumbat sehingga menyebabkan banjir kilat, tandas awam yang gagal bertaraf bersih, menawan dan wangi.



Seterusnya, Menteri KPKT juga menyatakan penyelesaian bagi isu-isu ini adalah kayu pengukur kepada kecekapan Kerajaan Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Sebagai makluman, kakitangan MBSJ juga turut mendengar amanat ini di Jabatan masing-masing.

SESI ENTRANCE CONFERENCE OLEH JABATAN AUDIT NEGARA



Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menerima lawatan dari Jabatan Audit Negara pada 10 Januari 2023 yang lalu bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Ibu Pejabat MBSJ.

Di dalam Sesi Entrance Conference tersebut, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ telah meluangkan masa menyantuni wakil dari Jabatan Audit Negara.

Sebagai makluman, Sesi Entrance Conference ini diadakan bagi pengauditan pematuan terhadap kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf bangunan di Majlis Bandaraya Subang Jaya.





MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2023

BERSAMA YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR



Majlis Amanat Tahun Baru 2023 Bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah berlangsung pada 11 Januari 2023 yang lalu bertempat di Auditorium, Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam, Selangor.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ telah menghadiri majlis amanat manakala pengurusan tertinggi MBSJ telah mendengar amanat yang disampaikan secara atas talian di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.



Dalam penyampaian amanatnya, YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah merakamkan penghargaan kepada seluruh warga kerja pentadbiran Negeri Selangor atas usaha yang diberikan dalam memajukan Negeri Selangor biarpun negeri Selangor berdepan

dengan pelbagai cabaran seperti Covid-19, banjir besar 2021, tragedi tanah runtuh di Batang Kali Hulu Selangor dan cabaran ekonomi.

Beliau juga mengharapkan agar Selangor dapat mengekalkan momentum itu secara berterusan dan kompeten serta menjadi sebuah negeri tahan uji yang berkeupayaan menghasilkan program serta aktiviti yang bukan sahaja bermanfaat untuk rakyat di negeri ini tetapi menjadi contoh kepada negeri lain di seluruh negara.



MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PEMBINAAN

MEDAN SELERA MBSJ SS19 SUBANG JAYA



Sejumlah 2.98 juta telah diperuntukkan MBSJ bagi pembinaan Medan Selera MBSJ SS19, Subang Jaya di atas tanah berkeluasan 0.7 hektar.

Projek yang telah dimulakan sejak 8 Disember 2022 yang lalu akan dilengkapi dengan 20 unit gerai serta kemudahan awam seperti tandas, surau serta tempat letak kenderaan dan dijangka akan disiapkan sepenuhnya menjelang Oktober 2023.

Majlis Pecah Tanah Persekitaran Pembinaan Medan Selera MBSJ SS19 ini telah disempurnakan pada 30 Januari 2023 oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor [Pembangunan]. Turut hadir sama adalah YBhg. Dato' Haji Jusni bin Hashim, Pegawai Daerah Petaling, YB Puan Michelle



Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ beserta YBrs. Tuan Ir. Haji Rosli bin Muhamad Yunus, Timbalan Setiausaha MBSJ merangkap Pengarah Jabatan Kejuruteraan.

Adalah diharapkan, dengan pelaksanaan projek pembangunan medan selera ini, para peniaga dapat berniaga dengan lebih selesa dan selamat sekaligus memajukan ekonomi warga komuniti bandar raya Subang Jaya.



MBSJ TERIMA LAWATAN PENANDAARASAN ANTARABANGSA

BANDAR RAYA YONGIN, KOREA



Majlis Bandaraya Subang Jaya berbesar hati menerima kunjungan dari delegasi Bandar Raya Yongin, Korea pada 11 Januari 2023 yang lalu.

Lawatan ini telah diketuai oleh Mr. Kim Woon Bong, Yongin City Council Vice Chairperson dan para delegasi telah dibawa melawat ke sekitar kawasan Ibu Pejabat MBSJ serta Pusat Kawalan Subang Jaya.

Para delegasi telah diberi pendedahan mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh MBSJ. YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ juga turut meluangkan masa menyantuni para delegasi.

Semoga perkongsian dan informasi yang diperolehi melalui lawatan antarabangsa

ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua organisasi.





...8 kategori dengan jumlah hadiah keseluruhan bernilai RM60,000.00 ini merupakan tanda penghargaan...

MBSJ Hargai Jasa 24 MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK



Sebanyak 24 Majlis Perwakilan Penduduk diraikan dalam MBSJ Vibrant Community Awards 2022 yang telah berlangsung pada 15 Januari 2023 bertempat di Sunway Resort Hotel, Bandar Sunway.

YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah hadir menyempurnakan majlis tersebut yang turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ.

Anugerah yang melibatkan 8 kategori dengan jumlah hadiah keseluruhan bernilai RM60,000.00 ini merupakan tanda penghargaan serta galakan

terhadap komitmen serta kerjasama yang telah diberikan oleh Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ.

Di dalam majlis yang sama juga, turut diadakan Pelancaran Geran Komuniti Subang Jaya Smart Vibrant (SJSVCG) 2023. Sebanyak RM3 juta telah

diperuntukkan bagi mana-mana Organisasi, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan Penduduk dan Institusi Pendidikan yang berminat untuk pemberian geran dalam melaksanakan projek menerusi konsep masyarakat dan rakan sinergi dalam mencapai bandar raya yang inklusif dan mampan.

6. ANUGERAH PROGRAM PANGSAPURI DAN KAMPUNG ANGKAT KOMUNITI BERDAYA MPP MBSJ TERBAIK 2022:

KEDUDUKAN	HADIAH	NAMA PANGSAPURI / KAMPUNG	MPP
TEMPAT PERTAMA	RM 3,000.00 + PLAK + SIJIL	PANGSAPURI BELIMBING CEMPAKA	ZON 24 THAMILARUSU A/L SANDAYAN
TEMPAT KE-2	RM 2,000.00 + PLAK + SIJIL	PANGSAPURI ANGSA BLOK C & E	ZON 4 Ar. KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM
TEMPAT KE-3	RM 1,000.00 + PLAK + SIJIL	KAMPUNG TENGAH A & B PUCHONG	ZON 8 MUHAMMAD KHAIRIL BIN KHALID

7. ANUGERAH PEGAWAI KAWASAN MPP MBSJ TERBAIK 2022:

HADIAH	MPP
RM 500.00 + PLAK + SIJIL	ZON 7 AYU YUSNITA BINTI AHMAD SABRI
	ZON 4 HAMBIAH BINTI DAROS
	ZON 9 ZURIATI BINTI HAMZAH
	ZON 24 ASHWINEE A/P BASKARAN
	ZON 13 SYAMIM BIN HASSAN
	ZON 24 FIRODAUS BIN AHMAD

KEPUTUSAN KESELURUHAN ANUGERAH MPP MBSJ TERBAIK 2022:

KEDUDUKAN	HADIAH	MPP
TEMPAT PERTAMA	RM 10,000.00 + PIALA + SIJIL	ZON 4 Ar. KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM
TEMPAT KE-2	RM 5,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 24 THAMILARUSU A/L SANDAYAN
TEMPAT KE-3	RM 3,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 16 YAP KOK WENG

1. ANUGERAH PROGRAM KEMASYARAKATAN MPP MBSJ TERBAIK 2022:

KEDUDUKAN	HADIAH	MPP
TEMPAT PERTAMA	RM 3,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 4 Ar. KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM
TEMPAT KE-2	RM 2,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 1 CHIA YEW KEN
TEMPAT KE-3	RM 1,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 24 THAMILARUSU A/L SANDAYAN

2. ANUGERAH PENGURUSAN PROJEK INDEN MPP MBSJ TERBAIK 2022:

KEDUDUKAN	HADIAH	MPP
TEMPAT PERTAMA	RM 3,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 3 LEE JEN UYIN
TEMPAT KE-2	RM 2,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 23 WONG YII SEANG
TEMPAT KE-3	RM 1,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 19 M. ANBARASAN A/L MURUGESU

3. ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU MPP MBSJ TERBAIK 2022:

KEDUDUKAN	HADIAH	MPP
TEMPAT PERTAMA	RM 3,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 4 Ar. KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM
TEMPAT KE-2	RM 2,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 3 LEE JEN UYIN
TEMPAT KE-3	RM 1,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 24 THAMILARUSU A/L SANDAYAN

4. ANUGERAH PENGURUSAN PENTADBIRAN MPP MBSJ TERBAIK 2022:

KEDUDUKAN	HADIAH	MPP
TEMPAT PERTAMA	RM 3,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 4 Ar. KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM
TEMPAT KE-2	RM 2,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 16 YAP KOK WENG
TEMPAT KE-3	RM 1,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 24 THAMILARUSU A/L SANDAYAN

5. ANUGERAH PROGRAM ALAM SEKITAR PANGSAPURI DAN KAMPUNG ANGKAT MPP MBSJ TERBAIK 2022:

KEDUDUKAN	HADIAH	NAMA PANGSAPURI / KAMPUNG	MPP
TEMPAT PERTAMA	RM 3,000.00 + PLAK + SIJIL	PANGSAPURI BELIMBING CEMPAKA	ZON 24 THAMILARUSU A/L SANDAYAN
TEMPAT KE-2	RM 2,000.00 + PLAK + SIJIL	PANGSAPURI SS19/7A	ZON 1 CHIA YEW KEN
TEMPAT KE-3	RM 1,000.00 + PLAK + SIJIL	PANGSAPURI ANGSA BLOK C & E	ZON 4 Ar. KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM





PERHIMPUNAN BULANAN BULAN JANUARI 2023



Perhimpunan Bulanan MBSJ yang pertama telah berlangsung pada 16 Januari 2023 bertempat di Arena MBSJ. Jabatan Pelesenan MBSJ telah menjadi hos perhimpunan pada kali ini.

Dalam ucapannya semasa perhimpunan, Datuk Bandar telah menekankan aspek perancangan komprehensif melalui komitmen serta kerjasama dari semua warga MBSJ sekaligus persediaan bagi menghadapi cabaran 2023.



Beliau juga merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Jabatan Pelesenan kerana telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM26.8 juta bagi tahun 2022, telah melebihi

sasaran yang telah ditetapkan oleh MBSJ iaitu sebanyak RM25 juta.

Dalam majlis yang sama, turut diadakan majlis penyampaian

hadiah bagi beberapa program yang telah dianjurkan oleh pihak Majlis kepada warga kerja.



MBSJ TERIMA ANUGERAH DI MAJLIS MAKAN MALAM ANUGERAH KECEMERLANGAN PERANCANGAN



MIP PLANNING EXCELLENCE AWARDS (MIPPEA) 2022

MBSJ meneruskan pencapaian gemilangnya apabila berjaya merangkul beberapa anugerah dalam Majlis Makan Malam Anugerah Kecemerlangan Perancangan MIP Planning Excellence Awards (MIPPEA) 2022 bertempat di Majestic Ballroom, The Majestic Hotel, Kuala Lumpur pada 16 Januari 2023.

Dalam majlis tersebut, MBSJ telah mendapat beberapa pengiktirafan iaitu:

- SPECIAL RECOGNITION AWARD (STRATEGIC PARTNERS CATEGORY)**

- GOLD AWARD (STRATEGIC PLANNING AWARD)**

Nama Projek:

Smart Vibrant City: Subang Jaya Strategic Plan 2020-2025

Pelaksana Projek:

Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ

- BRONZE AWARD (INNOVATIVE PLANNING: INNOVATION AND POLICY MAKING CATEGORY)**

Nama Projek:

Greenhouse Gas Inventory Management System (GIMS)

Pelaksana Projek:

Jabatan Perancang Bandar MBSJ
Jabatan Teknologi Maklumat MBSJ

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ telah menerima penganugerahan tersebut yang telah disampaikan oleh Duli Yang Amat Mulia Raja Di-Hilir Perak Darul Redzuan, Raja Iskandar Dzukarnain Ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah.

Majlis Makan Malam dan Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Perancangan 2022 merupakan satu majlis bagi mengiktiraf sumbangan tokoh-tokoh perancang bandar serta penganugerahan kepada bandar-bandar dan projek-projek perancangan terbaik termasuk mengiktiraf hasil kerja dan projek yang telah berjaya membuat

perubahan kepada sesuatu bandar, tempat, ruang, komuniti dan alam sekitar ke arah yang lebih baik.



Pengiktirafan Buat MBSJ DARI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA



Majlis Bandaraya Subang Jaya berjaya menerima pengiktirafan kategori Perak di dalam Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2022 bagi kategori Perak.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ telah menerima anugerah tersebut pada 18 Januari 2023 bertempat di Auditorium, Institut Integriti Malaysia.

Sebagai makluman, Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA2022) adalah merupakan satu anugerah bagi memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti,

tadbir urus terbaik serta inisiatif antirasuah dalam organisasi mereka.

Syabas dan tahniah diucapkan dan semoga bandar raya ini akan terus gemilang bersama di masa hadapan.



MAJLIS Perpisahan

**YBHG. DATO' JOHARY BIN ANUAR,
 MANTAN DATUK BANDAR MBSJ**



Tanggal 31 Januari 2023 pastinya meninggalkan memori buat seluruh warga MBSJ apabila YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Mantan Datuk Bandar MBSJ dengan rasminya meninggalkan MBSJ apabila beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan).

Majlis Simbolik 'Clock Out' sempena perpisahan beliau telah diadakan di Ibu Pejabat MBSJ dan ianya telah dihadiri YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama barisan Ahli Majlis serta Ketua Jabatan.

Di dalam majlis tersebut, beliau turut diiringi oleh pasukan perbarisan penguatkuasa dan seluruh warga MBSJ bagi sesi simbolik 'Clock Out' terakhir beliau.

Pihak MBSJ merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kejayaan dan pencapaian yang telah dicapai sepanjang tempoh pimpinan beliau. Jasamu tetap dikenang.





Majlis Makan Malam Sanjungan Budi Lambaian Kasih

SEMPENA PERPISAHAN YBHG DATO' JOHARY
BIN ANUAR, MANTAN DATUK BANDAR MBSJ



Datuk Bandar sudi
mendendangkan lagu Better Man
pada malam tersebut



Bagi menghargai jasa yang telah diberikan sepanjang pimpinan beliau menerajui MBSJ, satu Majlis Makan Malam Sanjungan Budi Lambaian Kasih Sempena Perpisahan YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Mantan Datuk Bandar MBSJ telah diadakan pada 3 Februari 2023 yang lalu bertempat di Sunway Resort Hotel, Bandar Sunway.

Majlis ini telah dihadiri oleh ACP Wan Azlan bin Wan Mamat, Ketua Polis Daerah Subang Jaya, YBrs. Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama barisan Ahli Majlis, Ketua Jabatan serta wakil MBSJ.

Dalam majlis tersebut, YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Mantan Datuk Bandar MBSJ telah menyampaikan ucapan beliau

dan mengingatkan semua warga MBSJ untuk terus meningkatkan usaha dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.



SESI PENILAIAN ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) NEGERI SELANGOR 2023



Seramai 13 orang panel penilai daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah hadir ke Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi Sesi Penilaian Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Negeri Selangor 2023.



Sesi penilaian ini telah berlangsung di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ dan semasa sesi auditan berlangsung, MBSJ telah dibuat penilaian bagi 23 kriteria meliputi komponen Pematuhan, Pengurusan Kualiti serta Perkhidmatan Teras bagi

proses kerja serta Perkhidmatan Sepanjang Tahun 2022.

Sebagai makluman, APPC ini dilaksanakan bertujuan mengukur kecemerlangan perkhidmatan organisasi dan memperkasa peranan serta akauntabiliti dalam organisasi.





PERSIDANGAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN BANDAR RAYA

ASEAN EDUCATION CITIES CONFERENCE



MBSJ berbangga menjadi sebahagian daripada fokus persidangan pada kali ini melalui pembentangan 'Subang Jaya, A Sustainable City of Choice and Opportunity' yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan).

Sesi pembentangan ini telah berlangsung pada 11 Februari 2023 yang



lalu bertempat di Jeffrey Cheah Auditorium 1, Sunway University.

YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ turut bersama

menyertai *Asean Education Cities Conference 2023* bersama-sama Ahli Majlis, Pengarah serta pegawai MBSJ.

MBSJ merakamkan ucapan tahniah kepada Sunway University atas persidangan yang berprestij ini sekaligus menyokong usaha pembangunan mampan bandar dan komuniti melalui penyelidikan, pengajaran, perancangan dasar serta penglibatan awam.





MAJLIS SAMBUTAN Tahun Baru Cina MBSJ 2023 MERIAH



Seramai lebih kurang 2000 pengunjung telah hadir ke Majlis Sambutan Tahun Baru Cina MBSJ 2023 yang telah berlangsung di Dewan Serbaguna Batu 14, Puchong, Selangor.

Majlis sambutan ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama-sama YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor.

Seramai 1500 orang pengunjung terawal telah menikmati kupon berjumlah RM10

yang diberikan secara percuma semasa program berlangsung untuk mereka gunakan bagi membeli makanan dan minuman di kendera saji yang disediakan semasa program berlangsung.

Selain itu juga, di dalam majlis yang sama, MBSJ turut menyumbangkan 20 set Kotak Iltizam Prihatin MBSJ kepada golongan B40 berbangsa Tionghoa yang dikenalpasti di bawah kawasan pentadbiran MBSJ.

Seterusnya, MBSJ turut menyerahkan sumbangan cek bernilai RM500 kepada dua Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu



Pertubuhan Orang Cacat Cina Malaysia dan Joy To The World Community Services selain pemberian angpau kepada warga emas dan Komuniti B40.

Para pengunjung juga turut dihiburkan dengan persembahan dan tarian seni budaya pada malam tersebut.



MBSJ PERKASA USAHA PENGHIJAUAN BUMI



Di dalam program ini, pihak pemaju telah berbesar hati menyumbangkan sebanyak 30 pokok yang melibatkan 2 jenis yang berbeza iaitu 15 pokok Eucalyptus Deglupta [Rainbow Eucalyptus/ Mindanao Gum] beserta 15 pokok Lagerstroemia Langkawiensis [Bungor] dan telah ditanam di lokasi. Setiap pokok yang ditanam turut didaftarkan di laman web www.100jutapokok.gov.my.

Sebagai makluman, Program PAPAT 2023 merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Perancang Malaysia [MIP] bersama-sama agensi lain dalam usaha memastikan kehijauan dan kelestarian bumi kita.

MBSJ TERIMA PENGIKTIRAFAN DIAMOND DALAM LOW CARBON CITY CHALLENGE (LCC2030)



Majlis Bandaraya Subang Jaya berjaya menerima pengiktirafan *Diamond* dalam *Low Carbon Cities Challenge* [LCC2030] yang telah berlangsung pada 20 Februari 2023 bertempat di Mardhiyyah Hotel & Suites, Shah Alam.

YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ telah menerima anugerah ini yang telah disampaikan oleh YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan perubahan Iklim [NRECC] dalam Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2022.

Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2022 ini mengiktiraf usaha organisasi dalam pengurangan pelepasan karbon dan penerima anugerah terdiri daripada badan kerajaan dan organisasi swasta dalam pengurangan pelepasan GHG menerusi program Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030.

Dalam majlis pada kali ini, 3 penyertaan diberi pengiktirafan Reka Bentuk Diamond yang berpotensi mengurangkan kadar pelepasan GHG manakala 11 lagi Organisasi lain menerima Provisional Certificate atas usaha pembangunan data penanda aras dan pelan tindakan dasar tersebut.



Majlis ini telah disempurnakan oleh YB. Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor. Turut hadir, Tuan Ir. Rosli bin Mohamad Yunus, Timbalan Setiausaha MBSJ bersama Ahli Majlis, Pegawai MBSJ serta wakil Majlis Perwakilan Penduduk [MPP] MBSJ serta wakil-wakil pemaju.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MBSJ

Pengiktirafan Jasa W



Seramai 118 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah diraikan dalam satu majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBSJ 2022 yang telah berlangsung pada 17 Februari 2023 bertempat di Shah Alam Ballroom 2, Shah Alam Convention Centre, Shah Alam, Selangor. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor [Pembangunan].

Penganjuran majlis ini merupakan satu pengiktirafan sumbangan dan dedikasi warga kerja MBSJ atas sumbangan dan dedikasi dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam, baik dalam pelaksanaan tugas rasmi mahupun penglibatan aktif dalam kegiatan sukan, sosial dan kemasyarakatan berdasarkan prestasi tahunan bagi tahun 2022.

Setiap penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang diberikan Sijil Simpanan Premium [SSPN] bernilai RM1,000.00 beserta sijil penghargaan.

Pada masa yang sama juga, MBSJ turut meraikan 19 orang pesara yang terdiri daripada 10 orang pesara wajib dan 9 orang pesara pilihan. Mereka menerima sijil penghargaan dan wang saguhati bernilai RM1,200.00.

MBSJ juga turut memberi pengiktirafan khas iaitu Anugerah Khas Datuk Bandar, Anugerah Khas Inovasi dan Anugerah Khas Sukan yang membawa nama MBSJ sehingga ke peringkat negeri, negara dan antarabangsa.

MBSJ merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima dan semoga melalui anugerah ini akan menyuntik semangat untuk terus berkhidmat dengan cemerlang dalam memastikan MBSJ di tahap *World Class*.



Seramai 118 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2022

Majlis Anugerah
Perkhidmatan Cemerlang
MBSJ



Senarai Penerima Anugerah Khas ini adalah seperti dibawah:

ANUGERAH KHAS SUKAN:

BIL.	NAMA	PENCAPAIAN
1.	Cik Fatim Shahida binti Azmi	Mewakili Malaysia [Bola sepak] • Kejohanan AFF Women Championship 2022 (1/7/2022-17/7/2022) Mewakili Malaysia [Futsal] • Sukan SEA Ke-31 Vietnam (08 - 20/05/2022) • Pencapaian: Gangsa [Ketiga] Mewakili Selangor • Malaysia Premier Futsal League • Pencapaian: Naib Johan
2.	Syed Aizad Daniel bin Syed Nasir	Mewakili Malaysia • Sukan SEA Ke-31 Vietnam (08 - 20/05/2022) • Kejohanan AFF Futsal Championship 2022 (31/3 - 10/4/2022) Mewakili Selangor • Piala Futsal Malaysia 2022 • Pencapaian: Johan • Malaysia Premier Futsal League • Pencapaian: Johan

ANUGERAH KHAS INOVASI:

BIL.	NAMA	PENCAPAIAN
1.	KUMPULAN LIFE SAVER • Mohd Redzuan bin Abdul Jamal • Ahmad Fairuz bin Fadzil • Mohamat Ali bin Othman • Zafika Syakira binti Zafaruddin	Tajuk Projek: Modul Pembangunan Kebun Komuniti Berdaya Peringkat Negeri • Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2022 • Pencapaian: Tempat Ketiga (Kategori Inovasi Sosial) Peringkat Antarabangsa / Negara • International Convention Quality On Control Circles (ICQCC) 2022, Jakarta, Indonesia • Pencapaian: Gold Medal

ANUGERAH KHAS DATUK BANDAR:

BIL.	NAMA	PENCAPAIAN
1.	TPr. Ismail bin Muhamad	Pengarah Jabatan Perancang Bandar



Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar bersama antara 19 orang pesara



Erat Hubungan Melalui **KEJOHANAN WOODBALL ANTARA JABATAN MBSJ 2023**



Seramai 60 pemain dari 14 jabatan telah menunjukkan kehebatan mereka dalam Kejohanan Woodball Antara Jabatan MBSJ 2023 pada 25 Februari 2023 bertempat di Laman Woodball Datuk Bandar MBSJ, USJ 11 Subang Jaya.

Program yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat MBSJ bersama Kelab Sukan dan Kebajikan MBSJ ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Kesemua peserta telah menunjukkan kehandalan mereka namun Jabatan Penguatkuasa MBSJ berjaya merebut tempat pertama dalam kejohanan pada kali ini.

Johan Individu Lelaki dimenangi oleh Encik Muhammad Hidayat bin Syaiful dari Jabatan Kejuruteraan manakala Johan Individu

Wanita dimiliki oleh Puan Nurul Suhada binti Nasir dari Jabatan Penguatkuasaan.

Sebagai makluman, pemain-pemain yang berpotensi akan diserap masuk ke dalam pasukan mewakili MBSJ bagi pertandingan-pertandingan peringkat Nasional dan Negeri pada masa akan datang.





MBSJ LANCAR GARIS PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN & MANUAL PROSEDUR PENGUATKUASAAN KACAUGANGGU



Dalam usaha membantu Pegawai Penyiasat MBSJ menjalankan siasatan mengikut prosedur dan memahami kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah undang-undang, MBSJ telah melancarkan dua buah buku iaitu Garis Panduan Penyediaan Kertas Siasatan bagi Tujuan Pendakwaan di Mahkamah dan Manual Prosedur Penguatkuasaan Kacauganggu di bawah Akta Jalan, Parit dan

Bangunan 1974.

Majlis pelancaran buku tersebut telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd. Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ pada 27 Februari 2023 yang lalu bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Dalam majlis ini, Timbalan Datuk Bandar telah berkesempatan menyerahkan buku tersebut



kepada 7 wakil jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik, Jabatan Pelesenan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar serta Jabatan Bangunan.

Diharapkan dengan adanya manual ini, kemahiran Pegawai Penyiasat dalam penyediaan kertas siasatan dapat ditingkatkan sekali gus meningkatkan tahap efisien dalam pelaksanaan kerja.





WARNA-WARNI KOMUNITI

AKTIVITI MPP BULAN JANUARI - MAC 2023

Januari

MPP
ZON 1



13.1.2023 (JUMAAT)
PROGRAM ANTI DENGGI SEARCH & DESTROY
 KAWASAN PERUMAHAN SS18/4

MPP
ZON 3



15.1.2023 (AHAD)
PROGRAM LET COLOUR THE FESTIVITY OF CNY IN HOPPING RABBITS
COLOURING CONTEST
 SUMMIT USJ

MPP
ZON 4



14.1.2023 (SABTU)
ZIARAH KASIH
 BLOK AB PANGSAPURI ANGSA

MPP
ZON 7



12.1.2023 (KHAMIS)
PROGRAM SUMBANGAN KERUSI RODA KEPADA WARGA EMAS
 LORONG KELISA 9 BUKIT LANCHONG

MPP
ZON 8



29.1.2023 AHAD)
PROGRAM BENGKEL ANEKA ROTI
 BALAI MASYARAKAT MPP KG. TENGAH

Februari

MPP
ZON 10



11.2.2023 (SABTU)
SAMBUTAN PERAYAAN CNY
KEBUN KOMUNITI TAMAN TEMPUA

MPP
ZON 11



6.2.2023 (ISNIN)
PERJUMPAAN BERSAMA PENDUDUK AMAN SARI
AMAN SARI



MPP
ZON 12



6.2.2023 (ISNIN)
PERTANDINGAN BOLING WANITA DUN SERI SERDANG
WANGSA BOWL IOI PUTRAJAYA



MPP
ZON 13



8.2.2023 - 11.2.2023 (RABU - SABTU)
RETREAT HATYAI MPP ZON 13
HATYAI



MPP
ZON 16



4.2.2023 (SABTU)
PERSEMBAHAN ACROBATIC LION DANCE
TAMAN PERMAINAN LAKE EDGE PUCHONG

Mac

MPP
ZON 17



25.3.2023 (SABTU)
PROGRAM BACK TO SCHOOL
DEWAN SERBAGUNA BUKIT PUCHONG

MPP
ZON 18



19.3.2023 (AHAD)
PROGRAM USAHAWAN DAPUR DIGITAL
BALAI MASYARAKAT BK 2



MPP
ZON 20



17.3.2023 (JUMAAT)
PROGRAM MENAMAM POKOK BUNGA
KEBUN FLAT IKAN

MPP
ZON 22



7.3.2023 (SABTU)
PROGRAM LINE DANCE
DEWAN SERBAGUNA SERI KEMBANGAN

MPP
ZON 24



4.3.2023 (SABTU)
SUMBANGAN SARAPAN PERCUMA
PASAR PAGI TAMAN SUNGAI BESI INDAH

BAZAR RAMADAN MBSJ 2023



Bulan Ramadan merupakan bulan mulia yang dinantikan oleh setiap umat Islam. Bukan itu sahaja, bulan ini juga merupakan lubuk rezeki buat para peniaga di mana orang ramai akan membanjiri Bazar Ramadan bagi mendapatkan juadah berbuka. Pasti para peniaga berlumba-lumba serta saling bersaing dalam mendapatkan tempat untuk menjalankan perniagaan.

Menyedari hakikat tersebut, Majlis Bandaraya Subang Jaya selaku Pihak Berkuasa Tempatan telah merencanakan persiapan awal bagi memastikan Bazar Ramadan Tahun 2023 dilaksanakan dengan teratur dan mengikut prosedur yang ditetapkan bagi memastikan pemilihan peniaga dilakukan dengan telus dan efisien.



PERMOHONAN PERMIT BAZAR RAMADAN 2023

Proses ini bermula dengan Permohonan Permit Bazar Ramadan Tahun 2023 oleh para peniaga. Sebagai peneraju permohonan permit Bazar Ramadan secara atas talian, MBSJ telah mula membuka permohonan sejak 13 Disember 2022 dan ianya dilanjutkan sehingga 13 Januari 2023.

Bagi memastikan ketelusan dalam pemilihan peniaga, kesemua permohonan diwajibkan dibuat secara atas talian. Peniaga dikehendaki melayari laman sesawang MBSJ www.mbsj.gov.my bagi mendapatkan informasi dan lokasi Bazar Ramadan serta membuat permohonan permit dengan memuatnaik dokumen sokongan yang diperlukan bagi kelulusan permit Bazar Ramadan.

Bagi tahun 2023, MBSJ telah menyediakan sebanyak 26 lokasi Bazar Ramadan dengan jumlah keseluruhan petak sebanyak 1,570 petak berbanding tahun lalu sebanyak 1,251 petak.

Penambahan lokasi ini bukan sahaja membuka lebih banyak peluang perniagaan kepada usahawan mikro, malah ianya menambah kepelbagaian juadah di setiap lokasi yang disediakan.



SESI CABUTAN UNDI PETAK BAZAR RAMADAN MBSJ 2023/1444H

Dalam memastikan integriti dalam pengurusan permohonan permit Bazar Ramadan, MBSJ telah mengadakan Sesi Cabutan Undi Petak Bazar Ramadan MBSJ 2023/1444H.

Sesi cabutan undi ini telah berlangsung pada 16 Februari 2023 yang lalu bertempat di Laman Kenanga, Ibu pejabat MBSJ dan sebanyak 1,055 permohonan telah diterima pada tahun ini.

Sesi Cabutan Undi Petak telah dijalankan oleh 3 orang Ahli Majlis dan panel pemerhati dari Unit Integriti MBSJ mengikut kategori jualan iaitu minuman, makanan siap dimasak dan makanan berasap/dibakar di lokasi.



KARNIVAL DAN TAKLIMAT BAZAR RAMADAN MBSJ 2023

Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjurkan Karnival dan Taklimat Bazar Ramadan MBSJ Tahun 2023 yang telah berlangsung selama 3 hari bermula 7 hingga 9 Mac 2023 bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ Puchong Indah, Taman Puchong Indah, Puchong, Selangor.

Program Karnival dan Sesi Taklimat ini diadakan dengan tujuan untuk memberikan informasi mengenai pengoperasian Bazar Ramadan pada tahun ini. Di antara pengisian program pada kali ini adalah seperti taklimat pematuhan kepada pengendalian makanan, amalan kitar semula serta pengurusan sisa.

Selain itu juga, pelaksanaan program ini turut memperkenalkan syarat berniaga di Bazar Ramadan termasuk arahan tatacara operasi piawai (SOP) serta para peniaga juga turut diberi pendedahan mengenai urusan tanpa tunai.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Beliau juga sempat meluahkan

masa melawat serta beramah mesra bersama peniaga yang membuka reruai perniagaan mereka pada hari tersebut.

Sebagai makluman, Karnival dan Taklimat Bazar Ramadan 2023 turut mendapat kolaborasi bersama 17 rakan sinergi yang terdiri daripada syarikat Mamee Double Decker (M) Sdn. Bhd, Syarikat Best Marketing & Distributors Sdn. Bhd, Platform Selangor (PLATS), Selangor Industrial Corporation (SELDEC), Selangor Information Technology & Digital Economy Corporation (SIDEK), Skim Insurans Am Selangor (INSAN), Yayasan Hijrah Selangor, Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS), Maybank Berhad, AmBank Islamic Berhad, Teck Hunter Global Sdn. Bhd, KPMC Puchong Specialist Centre, Food Panda Malaysia, Mahsuri Food Sdn. Bhd., Summerfield, Pejabat Kesihatan Daerah Petaling dan KPDNHEP yang telah memberikan kerjasama melalui latihan dan program kepada peniaga yang terlibat termasuk tajaan barangan dan makanan.

MENU RAHMAH

MENU RAHMAH merupakan hidangan tengah hari atau malam yang seimbang, lengkap dengan karbohidrat daripada nasi, sumber protein seperti ayam atau ikan dan sayuran, serta ditawarkan pada harga serendah RM5 sepinggan.

Ianya telah mula diperkenalkan pada 31 Januari 2023 yang lalu oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dalam usaha mengurangkan kos sara hidup rakyat yang terjejas.

Menyahut seruan ini, MBSJ turut melaksanakan MENU RAHMAH di Bazar Ramadan pada tahun ini. Pengunjung bazar boleh mengunjungi gerai yang terdapat pelekat 'Menu Rahmah' bagi mendapatkan juadah berbuka puasa pada harga berpatutan.



INISIATIF HIJAU BAZAR RAMADAN MBSJ

MBSJ sentiasa komited dalam memastikan kelestarian alam sekitar. Justeru itu, MBSJ telah mengambil beberapa inisiatif hijau kepada para peniaga dan pengunjung Bazar Ramadan seperti berikut:

- Kempen Larangan Penggunaan Bekas Polisterina / Styrofoam dan penyedut minuman plastik.**
- Kempen Sayangi Bumi Kita (Bebas Plastik-Pelanggan bawa bekas sendiri ke bazar)**
Bagi menggalakkan pengunjung bazar membawa bekas sendiri ke Bazar Ramadan, MBSJ turut mengedarkan kupon makanan bernilai RM10.00 kepada 100 orang pengunjung Bazar Ramadan terawal yang membawa bekas makanan di lokasi terpilih.
- Kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai**
Pihak Majlis turut menyediakan tong kitar semula minyak masak di beberapa lokasi terpilih Bazar Ramadan untuk kemudahan peniaga yang diuruskan oleh Jabatan Pengurusan Alam Sekitar MBSJ.
- Kempen Transaksi Tanpa Tunai**
Seiring dengan perkembangan pesat teknologi, pada tahun ini, MBSJ telah mewajibkan para peniaga melaksanakan sistem bayaran tanpa tunai bagi kemudahan pengunjung Bazar Ramadan.

Pelaksanaan kempen ini turut mendapat kerjasama dari Selangor Information Technology & Digital Economy Corporation [SIDEK] dalam usaha menggalakkan penggunaan kaedah pembayaran tanpa tunai di kalangan pengunjung Bazar Ramadan.

Pihak MBSJ akan menyemak dan memantau secara berkala di setiap gerai bagi memastikan peniaga mematuhi arahan tersebut.

PROGRAM 'WALKABOUT' BAZAR RAMADAN MBSJ

Program 'Walkabout' Bazar Ramadan MBSJ merupakan satu inisiatif MBSJ dalam meninjau pelaksanaan Bazar Ramadan di tapak.

Pada tahun ini, sebanyak 5 lokasi telah dipilih bagi pelaksanaan program ini iaitu di Bazar Ramadan Taman Puncak Jalil (29 Mac 2023), Bazar Ramadan USJ 4 (30 Mac 2023), Bazar Ramadan BK5 (4 April 2023), Bazar Ramadan Taman Puchong Prima [OTK] (7 April 2023) serta Bazar Ramadan Taman Sri Serdang (13 April 2023).

Pada 29 Mac 2023, bertempat di Jalan PUJ 3/2, Taman Puncak Jalil, YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor telah sudi meluangkan masa bersama-sama di dalam Program 'Walkabout' Bazar Ramadan

MBSJ Taman Puncak Jalil yang turut dihadiri oleh Encik Mehanatan a/l Embamurthi, Ahli Majlis kawasan bersama kakitangan MBSJ.

Semasa program berlangsung, beliau telah meluangkan masa meninjau bazar ramadan serta beramah mesra bersama para peniaga. Selain itu juga, beliau juga turut menyampaikan sumbangan berupa kurma, bubur lambuk dan juga bekas makanan dalam usaha melestarikan alam sekitar.

MBSJ juga turut mengedarkan kupon makanan bernilai RM10.00 kepada 100 orang pengunjung Bazar Ramadan terawal yang membawa bekas makanan bagi tujuan pembelian.

Seterusnya pada 30 Mac 2023, YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya telah hadir ke Bazar Ramadan USJ 4 bagi Program 'Walkabout'

Bazar Ramadan seterusnya merasmikan program ini.

Semasa program berlangsung, beliau telah melancarkan Program Bazar Ramadan Cashless MBSJ 2023 dengan kerjasama Selangor Information Technology & Digital Economy Corporation [SIDEK] dalam menggalakkan penggunaan kaedah pembayaran tanpa tunai.

Beliau juga turut melancarkan kempen mengumpul lebih banyak makanan dengan kerjasama syarikat What A Waste dalam usaha mengurangkan penghasilan karbon sekaligus mampu menjaga dan memulihara ekosistem bumi. Selain itu juga, pelaksanaan kempen ini dapat mengurangkan pembaziran makanan kerana ianya akan disedekahkan kepada keluarga berpendapatan rendah, komuniti dan rumah kebajikan yang berhampiran.

PERDANA MENTERI MALAYSIA LUANG MASA SANTUNI KOMUNITI SERI SERDANG



YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia diiringi YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah mengadakan lawatan istimewa ke Masjid Universiti Putra Malaysia, Selangor bagi menunaikan solat Jumaat bersama lebih 1,000 jemaah.

Perdana Menteri juga berkesempatan meluangkan masa bermesra bersama komuniti setempat serta menjamu selera di Medan Selera Sri Serdang. Turut hadir bersama YB Puan Yeo Bee Yin, Ahli Parlimen Puchong, YB Dr. Siti Mariah binti Mahmud, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga Negeri Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri Seri Serdang serta YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.



MBSJ PERKENAL TEMA TAMAN *'Momen Untuk Biblio'* UNTUK PENGUNJUNG KUALA LUMPUR PARK FESTIVAL



MBSJ telah mempertaruhkan keindahan Laman Seni dan Floranya dengan memperkenalkan tema taman 'Momen Untuk Biblio' semasa berlangsungnya Kuala Lumpur Park Festival yang bermula dari 4 Mac hingga 12 Mac 2023 di Taman Tasik Titiwangsa.

Acara ini bertujuan mempromosikan budaya landskap dan menggalakkan penglibatan aktif warga kota dalam meningkatkan budaya hidup sihat.

Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menyertai Pertandingan Laman Seni & Flora yang diadakan di festival ini dengan membawa tema taman 'Momen Untuk Biblio'.

Konsep taman berbentuk 'parklet' atau taman mini ini menonjolkan 3 ruang utama yang sesuai dijadikan tempat beristirahat untuk membaca buku iaitu kerusi taman, kawasan berumput dan pangkin kayu. Ketiga-tiga ruang disulam dengan dedaunan hijau yang segar dan wangian dari bunga Kenanga.



KL Park Festival 2023





Wanita masa kini menggalas pelbagai tanggungjawab dan perlu sentiasa ke hadapan dalam menghadapi cabaran yang mendatang. Justeru itu, golongan wanita perlu sentiasa diperkasa bagi memastikan mereka kekal relevan dalam mendepani arus semasa.

Menyedari kepentingan tersebut serta sambutan Hari Wanita Tahun 2023, pihak Da Men USJ bersama Majlis Perwakilan Penduduk Zon 4

MBSJ telah menganjurkan program *International Women's Day 2023 Embrace Equity* pada 4 dan 5 Mac 2023 yang lalu.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya. Turut hadir, Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj Yeop Hashim, Pengerusi MPP Zon 4 MBSJ.

PROGRAM SAMBUTAN **INTERNATIONAL WOMEN'S DAY 2023** **EMBRACE EQUITY** PERKASA PERANAN WANITA



Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sebagai pengisian program seperti perkongsian kisah inspirasi, meraikan kejayaan wanita serta meneroka kaedah baharu bagi membantu mewujudkan impak positif dalam komuniti wanita.

Adalah diharapkan program ini sedikit sebanyak dapat memperkasakan lagi golongan wanita seiring dengan hasrat Matlamat Pembangunan Mampan [SDG 5 - Gender Equality].

MBSJ TERIMA PENGIKTIRAFAN JOHAN PROGRAM PENGUMPULAN MINYAK MASAK TERPAKAI TAHUN 2022



MBSJ meneruskan kecemerlangannya apabila berjaya merangkul pengiktirafan Johan bagi Program Pengumpulan Minyak Masak Terpakai Tahun 2022 bersama PBT lain dari seluruh Selangor dengan pengumpulan sebanyak 154,845.60 kg pada 4 Mac 2023 bertempat di Masjid Kota Raja, Klang, Selangor.

Anugerah ini telah disampaikan oleh YB Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Negeri Selangor kepada wakil MBSJ.

Untuk makluman, MBSJ turut menyediakan Depoh Mini dan Transit Minyak Masak Terpakai di Pusat Biomass Bersepadu MBSJ, Jalan BP 4/1, Bandar Bukit Puchong, Selangor Darul Ehsan.

Komuniti digalakkan untuk menghantar minyak masak dan setiap minyak masak yang dihantar akan diberikan insentif yang menarik.





PERSIDANGAN REKABENTUK SEJAGAT KE ARAH NEGERI INKLUSIF



Dalam usaha memberikan pendedahan tentang kepentingan pemakaian rekabentuk sejagat selain mengenalpasti masalah dan cabaran yang dihadapi oleh golongan Orang Kurang Upaya (OKU), MBSJ telah menganjurkan Persidangan Kita Selangor; Iltizam Rekabentuk Sejagat ke Arah Negeri Inklusif pada 7 Mac 2023 bertempat di Sunway Resort Hotel, Bandar Sunway.

Persidangan ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor. Hadir sama pada program ini adalah YB Puan Dr. Siti Mariah Mahmud, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga, YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri [Pembangunan] serta YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Persidangan ini telah berjaya menghimpunkan seramai 400 pihak yang berkepentingan serta berperanan menyediakan alam bina berdasarkan reka bentuk sejagat supaya usaha memperkasa OKU dapat direalisasikan.

Kerajaan Negeri juga turut mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh termasuk arkitek, perancang bandar, ahli

majlis dan PBT bagi menetapkan garis panduan reka bentuk alam bina hasil persidangan pada kali ini.

Sebagai makluman, persidangan kali ini merupakan hasil kolaborasi strategik MBSJ bersama Unit Perancangan Ekonomi Negeri [UPEN] Negeri Selangor bersama-sama dengan Malaysia Institute of Planners [MIP], International Islamic University Malaysia [UIA], Pertubuhan Arkitek Malaysia [PAM], Institute of Landscape Architects Malaysia [ILAM], The Institution of Engineers Malaysia [IEM], Majlis Tindakan OKU Selangor [MTOS] dan pihak Sunway Group.





FORUM PENGUATKUASAAN ANTI RASUAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN



Seramai 75 orang kakitangan Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menghadiri Forum Penguatkuasaan Anti Rasuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah berlangsung pada 8 Mac 2023 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu pejabat MBSJ.

Forum ini telah berjaya dilaksanakan hasil kolaborasi strategik di antara Majlis Bandaraya Subang Jaya bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor.

Di dalam forum ini, para peserta telah diberi pendedahan tentang kesalahan utama rasuah serta isu-isu rasuah dalam perolehan dan penguatkuasaan.

Pihak Majlis merakamkan setinggi penghargaan kepada Tuan Ahmad Nuri bin Muda, Penolong Penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Negeri Selangor atas kesudian menjadi moderator dalam forum ini bersama dua panel lain iaitu YBrs. PKPj Ridzuan bin Bad Malik, Timbalan Pengarah [Pencegahan], Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Negeri Selangor dan YBrs. Encik Ismail bin Salim, Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Subang Jaya.



LAWATAN PANEL PENILAI AUDIT PENGAWASAN SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU (SPB) TAHUN 2023



Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menerima lawatan dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bagi Audit Pengawasan Sistem Pengurusan Bersepadu MBSJ meliputi ISO 9001:2015, ISO/IEC 27000:2013, ISO 37001:2016 dan MS1900:2004 pada 8 hingga 10 Mac 2023 bertempat di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Majlis pembukaan sesi auditan telah disempurnakan oleh Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik dan beliau juga telah memberikan taklimat mengenai pengurusan operasi MBSJ kepada para panel.

Seramai 11 auditor telah turut serta dalam sesi auditan pada kali ini yang diketuai oleh Encik Khairul Azmi bin Pumijan.





PROGRAM RAMADAN YANG DIRINDUI SEMARAK SAMBUTAN BULAN RAMADAN



Bagi mengimarahkan Masjid serta bersempena dengan bulan Ramadan yang bakal tiba, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah merencanakan Program Ramadan Yang Dirindui dan telah berlangsung pada 10 Mac 2023 bertempat di Masjid Kampung Seri Aman, Puchong, Selangor.

Pelbagai aktiviti telah direncanakan sebagai pengisian program tersebut yang telah bermula sejak awal pagi lagi seperti Kelas Hafazan Surah Al-Quran yang telah dibimbing oleh YBrs. Al-Fadhil Ustaz Nik Muhammad Rabbani bin Nik Zainal Alam. Seramai 70 orang peserta telah menyertai kelas

tersebut dan YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ turut menyertai kelas hafazan tersebut.

Selain itu juga, para muslimin dan muslimat juga turut diperdengarkan dengan alunan qasidah dari Kumpulan Al-Busyra, Yayasan As-Sofa pada sebelah petang sebelum majlis diteruskan dengan program ceramah 'Ramadan Yang Dirindui' yang disampaikan oleh tetamu istimewa YBhg. Dato' Seri Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia.



Turut diadakan serahan bantuan kotak iltizam dan set pengurusan jenazah kepada pihak masjid serta serahan bantuan kepada mangsa banjir di Johor.

Sebagai makluman, YB Puan Dr. Siti Mariah, Pengerusi Jawatankuasa Tetap

Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga Negeri Selangor serta YBhg. Dato' Johari bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor [Pembangunan] bersama Ketua Jabatan MBSJ turut serta di dalam program pada kali ini.



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Majlis Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan 2023 pada 11-12 Mac 2023 bertempat di Pusat Konvensyen Ipoh (ICC), Perak Darul Ridzuan.

Pihak MBSJ turut menghadiri konvensyen ini di mana YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ

bersama dengan Ahli Majlis dan Pengurusan Tertinggi MBSJ telah menghadiri konvensyen ini.

Seramai 2000 peserta yang terdiri daripada Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha, Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Malaysia telah menghadiri konvensyen pada kali ini.

Dengan bertemakan Perbandaran Madani, Negara Sejahtera, konvensyen ini merupakan platform terbaik bagi memberi peluang kepada semua peserta berkongsi pengalaman dan berbincang untuk mencari pendekatan dan penyelesaian yang inovatif dan kreatif secara holistik dalam menangani isu-isu yang melibatkan pengurusan dan tanggungjawab PBT.



Taklimat Pemindahan PENIAGA PASAR AWAM DAN PASAR PAGI SK 10 KE PASAR SEMENTARA SK 6/1 DAN SESI PENETAPAN PETAK NIAGA



Seramai 258 orang peniaga Pasar Awam dan Pasar Pagi SK 10 telah hadir ke Taklimat Pemindahan Peniaga Pasar Awam dan Pasar Pagi SK 10 ke Pasar Sementara SK 6/1 dan Sesi Penetapan Petak Niaga yang telah berlangsung di Kompleks 3K, Serdang Raya, Seri Kembangan, Selangor. Program ini turut dihadiri Encik Teh Eng Tek, Ahli Majlis MBSJ serta Encik Azfarizal bin

Abd Rashid, Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ.

Di dalam program tersebut, para peniaga telah diberikan taklimat mengenai proses pemindahan serta mengenai prosedur penetapan petak niaga oleh Puan Rosmawati binti Zainuddin, Penolong Pengarah Kanan Jabatan Pelesenan MBSJ.

Dalam program yang sama juga, turut diadakan sesi soal jawab bagi memberi penjelasan lanjut mengenai pemindahan ke pasar transit tersebut.

Melalui program ini, para peniaga telah diberi penjelasan yang sebenar untuk melicinkan lagi proses proses pemindahan. Pemindahan sementara ini dilakukan bagi memberi laluan kepada pembinaan semula Pasar Seri Kembangan.





OPERASI BERSEPADU KAWASAN KOMERSIAL PUNCAK JALIL 3



Satu operasi bersepadu telah dijalankan di sekitar kawasan komersial PUJ 3/1 - PUJ 3/6, Taman Puncak Jalil, Seri Kembangan Selangor pada 14 Mac 2023 yang lalu.

Operasi ini disertai 56 anggota penguatkuasa bersama 2 pegawai turut melibatkan 6 jabatan dalaman MBSJ iaitu Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, Jabatan Pelesenan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kejuruteraan serta Jabatan Bangunan.

Operasi kali ini memfokuskan kepada beberapa kesalahan yang dilakukan pemilik premis di antaranya seperti menjalankan perniagaan tanpa lesen, melakukan kesalahan halangan di tempat awam dan siar kaki, bengkel beroperasi tanpa lesen, pembinaan tanjakan [ramp] serta membina struktur bangunan tambahan tanpa kebenaran.

Dalam operasi ini, sebanyak 108 premis telah diperiksa dan sebanyak 38 Notis

Tawaran Kompaun [NTK] serta 26 Notis Amaran telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan pada premis yang telah melanggar peraturan dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.

Pemantauan berkala akan dijalankan dari semasa ke semasa dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana individu yang didapati melanggar peraturan.



MAJLIS PENGENALAN RAKAN STRATEGIK SELANGOR FC BAGI MUSIM 2023 DAN SESI RIADAH BOLA SEPAK BERSAMA DYTМ RAJA MUDA SELANGOR



Majlis ini telah diadakan pada 15 Mac 2023 bertempat di Pusat Latihan Selangor FC, Shah Alam, Selangor.

Dalam majlis ini Selangor FC telah memperkenalkan 30 rakan rasmi Selangor FC bagi tahun 2023.

Di dalam majlis ini juga, Timbalan Datuk Bandar MBSJ turut menyertai sesi riadah bersama DYTМ Raja Muda Selangor bersama-sama Ketua-Ketua Agensi yang lain.



DYTМ Raja Muda Selangor dan Timbalan Datuk Bandar MBSJ (kanan)



DYTМ Raja Muda Selangor yang juga Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor [FAS] merasmikan majlis



Skuad Selangor bersedia untuk beraksi di Liga Super di Stadium MBPJ yang dijadualkan menentang Johor Darul Ta'zim F.C. pada 17 Mac 2023

MBSJ SERBU PUSAT HIBURAN DI BANDAR PUTERI



Seramai 32 anggota penguatkuasa serta dua pegawai telah melaksanakan serbuan terhadap premis yang didapati melanggar peraturan pada 15 Mac 2023 yang lalu.

Dalam operasi yang bermula jam 9.00 malam itu, sebanyak 4 premis di Jalan Puteri 2/2C dan Jalan Puteri 4/8, Bandar Puteri, Puchong telah diperiksa dan 3 premis lagi dikenalpasti tidak mempunyai Lesen Hiburan dari MBSJ.



Tindakan penguatkuasaan telah dikenakan di bawah Seksyen 6 [1], Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan Selangor [pindaan 2001] dan penutupan premis serta merta atas kuasa Seksyen 19, Enakmen Hiburan & Tempat Hiburan Selangor [pindaan 2001].

Pemantauan berkala akan dijalankan dari semasa ke semasa dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana premis yang didapati melanggar peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

MAJLIS ANUGERAH KOMUNITI STRATA (AKSARA) MBSJ 2022



Pada 20 Mac 2023 MBSJ telah mengadakan Anugerah Komuniti Strata (AKSARA) MBSJ 2022 bertempat di Mardhiyyah Hotel & Suites, Shah Alam, Selangor.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir Encik Sr. Mohd Marwan bin Khaliludin, Pengarah Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MBSJ.

Majlis anugerah ini dianjurkan bagi memberi pengiktirafan Pengurusan 5 Bintang kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) dalam kawasan pentadbiran MBSJ yang diadakan setiap 2 tahun sekali melalui pelaksanaan program Penilaian Penarafan Bintang

yang bertujuan untuk mengukur prestasi pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata di bawah pentadbiran MBSJ.

Sebanyak 4 anugerah telah disampaikan dalam majlis ini iaitu Anugerah 5 Star JMB/MC, Anugerah Ejen Pengurusan Terbaik, Anugerah JMB Terbaik dan Anugerah MC Terbaik.

ANUGERAH EJEN PENGURUSAN TERBAIK

- MSFM & ASSOCIATES
- INTRA HARTA CONSULTANTS SDN. BHD.
- AZMI & CO. SDN. BHD.
- NILAI HARTA CONSULTANTS SDN. BHD.
- TCL MANAGEMENT & SERVICES

ANUGERAH JMB TERBAIK

PANGSAPURI KOS RENDAH:

- JMB PANGSAPURI GARNET, TAMAN PUCHONG INDAH

PANGSAPURI KOS SEDERHANA:

- JMB PANGSAPURI PUTRA PERMAI 1A, TAMAN EQUINE SERI KEMBANGAN

PANGSAPURI KOS TINGGI:

- JMB ONE SOHO, SS16 SUBANG JAYA

ANUGERAH MC TERBAIK

PANGSAPURI KOS RENDAH:

- MC PANGSAPURI BELIMBING CEMPAKA, TAMAN BUKIT BELIMBING, SERI KEMBANGAN

PANGSAPURI KOS SEDERHANA:

- MC PANGSAPURI SRI KESIDANG, BANDAR PUCHONG JAYA

PANGSAPURI KOS TINGGI:

- MC DESA IMPIANA KONDOMINIUM, PUCHONG PRIMA

ANUGERAH 5 STAR JMB/MC

- ZON SUBANG JAYA [BP1 - BP3]
- JMB ONE SOHO, SS16 SUBANG JAYA
- MC USJ FAIRVILLE, USJ 22 SUBANG JAYA
- JMB SUBANG PARKHOMES, SS19 SUBANG JAYA
- JMB USJ ONE PARK, USJ 1 SUBANG JAYA
- MC SUBANG PERDANA GOODYEAR COURT 9C, USJ 14 SUBANG JAYA
- ZON KINRARA [BP4]
- JMB SIERRA RESIDENCY, BANDAR KINRARA
- MC ZEFER HILL RESIDENCE, BANDAR PUCHONG JAYA
- THE ZEST @ KINRARA 9, BANDAR KINRARA
- MC PANGSAPURI SRI KESIDANG, BANDAR PUCHONG JAYA
- MC PANGSAPURI SUTRAMAS, BANDAR PUCHONG JAYA
- ZON PUCHONG [BP5]
- MC DESA IMPIANA KONDOMINIUM, TAMAN PUCHONG PRIMA
- JMB PANGSAPURI SERI UTAMA, TAMAN PUCHONG UTAMA
- JMB ZEN RESIDENCE CONDOMINIUM, BATU 14 PUCHONG
- JMB CASA TROPICA CONDOMINIUM, BATU 14 PUCHONG
- MC PANGSAPURI SRI ALPINIA, BANDAR PUTERI PUCHONG
- ZON PUTRA PERMAI [BP6]
- JMB PUTRA PERMAI 1A, TAMAN EQUINE SERI KEMBANGAN
- JMB PANGSAPURI MAYANG, TAMAN PUNCAK JALIL
- MC SUNWAY EASTWOOD, TAMAN EQUINE SERI KEMBANGAN
- MC PANGSAPURI VISTA PINGGIRAN, PINGGIRAN PUTRA SERI KEMBANGAN
- ZON SERI KEMBANGAN [BP7]
- MC PANGSAPURI BELIMBING HEIGHTS, TAMAN BELIMBING INDAH SERI KEMBANGAN
- MC PANGSAPURI EAST LAKE RESIDENCE, TAMAN SERDANG PERDANA, SERI KEMBANGAN
- MC THE PARK @ BUKIT SERDANG, TAMAN BUKIT SERDANG, SERI KEMBANGAN
- MC PANGSAPURI VISTA SERDANG, TAMAN BUKIT SERDANG, SERI KEMBANGAN
- MC PUTRA INDAH KONDOMINIUM, TAMAN SERDANG RAYA, SERI KEMBANGAN



MBSJ FC JULANG PIALA LIGA WANITA



MBSJ muncul juara selepas menewaskan UPNM FC pada 19 Mac 2023 yang lalu bertempat di Stadium MBSJ Kelana Jaya bersempena dengan Hari Bola Sepak Selangor 2023.

Dalam perlawanan tersebut, MBSJ FC telah bertarung berhabis-habisan sebelum muncul juara menerusi sepakan penalti dengan keputusan {3-0} mengalahkan UPNM setelah terikat keputusan seri {1-1} dalam perlawanan tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli menyaksikan perlawanan dan menyempurnakan majlis penyampaian trofi dan hadiah. Syabas diucapkan kepada MBSJ FC!



PERMOHONAN



GERAN KOMUNITI SUBANG JAYA SMART VIBRANT (SJSVCG) TAHUN 2023



JUMLAH PEMBIAYAAN GERAN

BELANJAWAN MBSJ TAHUN 2023,
PERUNTUKAN SEBANYAK
RM3 JUTA

▼ MINIMA : RM8,000.00 ▲ MAKSIMA : RM50,000.00

*PIHAK MBSJ BERHAK MELULUSKAN APA-APA
AMAUN GERAN YANG DIBERIKAN SELAIN DARIPADA
YANG DIPOHON BERDASARKAN KEPADA PENILAIAN
TEKNIKAL DAN KEPERLUAN SEMASA.

SIAPA YANG LAYAK MEMOHON



1. Organisasi
2. NGO
3. Persatuan Penduduk
4. Institusi Pendidikan

6 KRITERIA UTAMA

(BIDANG YANG BOLEH DIPOHON)



BANDAR
HIJAU



BANDAR
SIHAT



BANDAR
MAKMUR



BANDAR
SEJAHTERA



BANDAR
PINTAR



BANDAR
SELAMAT



BANDAR
MESRA
WANITA



BANDAR
PEMBELAJARAN



BANDAR
BERDAYA
TAHAN



- PERKHIDMATAN (SERVICE)
- KAJIAN DAN PENYELIDIKAN
- JARINGAN (NETWORKING)
- COMMUNICATION, EDUCATION AND PUBLIC AWARENESS (CEPA)

BORANG PERMOHONAN BOLEH DIHANTAR MULAI 15 JANUARI 2023
DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN 31 JULAI 2023

SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI :



03-8026 3131

SAMB. 4038/4313/7400

URUS SETIA GERAN KOMUNITI
JABATAN KORPORAT DAN
PENGURUSAN STRATEGIK



Majlis Bandaraya Subang Jaya



sjcitycouncil

www.mbsj.gov.my

SILA IMBAS KOD QR UNTUK MUAT TURUN

GARIS PANDUAN



BORANG
GERAN KOMUNITI



Bekerjasama dengan Pihak Badan Bukan
Kerajaan, Swasta dan Persatuan Penduduk

KATEGORI ALAM SEKITAR BAGI MBSJ VIBRANT COMMUNITY AWARDS MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP) MBSJ 2023

JANUARI HINGGA OKTOBER 2023

SYARAT PENYERTAAN

- Kategori Alam Sekitar bagi MBSJ Vibrant Community Awards tahun 2023 melibatkan 24 MPP
- Penilaian akan dibuat untuk semua MPP
- Data kategori alam sekitar dikira selama 10 bulan bermula Januari hingga Oktober 2023.
- Semakan data dan lawatan tapak Kategori Alam Sekitar akan dilaksanakan pada bulan November 2023.
- 3 pemenang akan dipilih
- Keputusan adalah muktamad

Hadiah Menarik!

KATEGORI ALAM SEKITAR



PERTAMA
RM3,000



KEDUA
RM2,000



KETIGA
RM1,000

Urus setia untuk dihubungi:
Jabatan Pengurusan Alam Sekitar MBSJ

☎ 03-8026 4366 / 013-213 4696 (PN. SUZANA) ☎ 03-8026 4420 / 011-3686 1267 (ENL. NAQIB)



IMBAS KOD QR UNTUK
KRITERIA & PEMARKAHAN

BERMULA **1 MAC 2023**

**Sistem I-Responz MBSJ
digantikan kepada Sistem
Pengurusan Aduan Awam
(SISPAA)**

Sila layari:
mbsj.spab.gov.my



**Aplikasi Aduan MBSJ
digantikan kepada aplikasi**

RESPONS RAKYAT

**MUAT TURUN
SEKARANG**



HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.